

Pandangan Sultan Johor boleh dirunding

PM anggap
cadangan
tidak gugat
kuasa,
peruntukan
Perlembagaan

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, setiap pandangan dan cadangan boleh dirunding dengan baik tanpa membelakangkan Perlembagaan Persekutuan, sistem demokrasi berparlimen dan prinsip Raja Berperlembagaan.

Menurut Perdana Menteri, ia termasuk pandangan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar agar lebih banyak tanggungjawab diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong, termasuk pemantauan secara terus terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS).

Beliau mengulas pandangan Sultan Ibrahim seperti dilaporkan dalam temu bual eksklusif bersama *The Straits Times* Singapura minggu lalu, antara lain mencadangkan SPRM melaporkan terus kepada Yang di-Pertuan Agong, bukan kepada Parlimen seperti sekarang.

Titah Sultan Johor, jika SPRM melapor terus kepada Seri Paduka, bermakna suruhanjaya itu tidak berada di bawah pengaruh mana-mana pihak eksekutif, begitu juga PETRONAS yang pada pendapat baginda tidak sepatutnya berada di bawah Parlimen.

Sultan Ibrahim turut mencadangkan pelantikan kehakiman mesti diasingkan daripada badan eksekutif, bagi memastikan badan kehakiman negara benar-benar bebas.

Tak patut bimbang

Perdana Menteri berkata, cadangan Sultan Johor itu tidak akan menggugat kuasa dan peruntukan Perlembagaan negara.

“Kita boleh runding dengan baik, tetapi prinsip Perlembagaan, demokrasi berparlimen, Raja Berperlembagaan itu tetap dipertahankan dan kita junjung prinsip yang sama,” katanya ketika ditemui pemberita di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), di sini malam kelmarin.



Anwar melawat ruang pameran pada pelancaran Pameran 'Perjalanan Menelusuri Seni Islam' dan 'Alif Lam Ra: Kaligrafi Kontemporari Muslim' sempena sambutan ulang tahun ke-25 MKIM di Kuala Lumpur, malam kelmarin. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Anwar yang sebelum itu merasmikan pelancaran pameran 'Perjalanan Menelusuri Seni Islam' dan 'Alif Lam Ra: Kaligrafi Kontemporari Muslim' sempena sambutan ulang tahun ke-25 MKIM, berkata tidak sepatutnya ada kebimbangan mengenai pandangan Sultan Johor itu.

“Tidak harus ada kebimbangan kalau ada kenyataan dan pandangan, termasuk daripada Sultan Johor. Pandangan ini boleh dibawa bincang, tetapi tidak akan mempengaruhi dasar negara dan prinsip kita tentang Raja Berperlembagaan,” katanya.

Mengenai kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa titah cadangan Sultan Ibrahim supaya SPRM dan PETRONAS

dipantau secara langsung oleh Yang di-Pertuan Agong, tidak boleh diambil ringan, Anwar menegaskan, beliau tiada masalah dengan pandangan berkenaan.

“Dia (Dr Mahathir) hanya melontarkan pandangan dan kita bincang. Bagi saya, tiada masalah, pandangannya tidak langsung akan menggugat kuasa dan peruntukan Perlembagaan negara kita,” kata Anwar.

Sultan Ibrahim dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 pada 27 Oktober lalu bagi menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dari Pahang. Pelantikan Sultan Johor selama lima tahun itu berkuat kuasa 31 Januari 2024.